

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pusat reka bentuk universal di PLPP	Utusan Malaysia
2.	JAKIM saran masjid dan surau buat solat gerhana bulan Sabtu ini	BERNAMA
3.	Masjid disaran buat solat gerhana bulan	Kosmo
4.	Learning in the dark	The Star
5.	weBoost perluas ketersediaan dua perangsang isyarat mudah alih	BERNAMA
6.	121 insiden penipuan ugutan siber dilaporkan pada 2014	Kosmo
7.	HELP partners IT industry leaders	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA MODE) : MUKA SURAT 09
TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

Pusat reka bentuk universal di PLPP

ORANG kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat sejagat yang berhak mendapat perkara sama yang diperoleh orang lain.

Hari ini, tidak dinafikan, keperluan dan kehendak mereka sering diletakkan di tempat kedua walau dalam apa juga aspek.

Ini termasuklah dalam soal yang paling asas seperti penyediaan kemudahan infrastruktur malah golongan OKU sering dilupakan apatah lagi peluang untuk mendapat pekerjaan yang sempurna demi kesejahteraan hidup mereka.

Menyedari hakikat itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terus berusaha mempertingkatkan peranan bagi memastikan golongan OKU tidak diabaikan dalam banyak aspek.

Yang terbaharu, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan **Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)** serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Universal Design Product Showcase atau pusat reka bentuk sejagat telah pun dibuka di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemuliharaan (PLPP).

Pusat yang pertama seumpamanya di Malaysia ini juga merupakan satu perkongsian pintar antara kesemua pihak yang terlibat.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datuk Seri Rohani Abdul Karim**, penubuhan pusat tersebut adalah untuk menyebar luaskan konsep dan kepentingan penggunaan produk reka bentuk universal (*universal design* - UD) dalam kalangan masyarakat hari ini terutama sekali kepada golongan OKU.

Tambah beliau, UD adalah merujuk kepada reka bentuk sejagat yang mengambil kira semua peringkat umur dan keupayaan dan ia tidak bermaksud produk yang dihasilkan khusus untuk

golongan OKU semata-mata.

"Produk universal bukanlah produk yang dihasilkan hanya untuk golongan OKU malah produk-produk ini memiliki elemen yang membolehkan ia mudah digunakan oleh semua pengguna termasuklah orang tua, kanak-kanak serta ibu-ibu hamil.

"Apa yang dapat dilihat, melalui pembukaan pusat ini, ia jelas membuktikan kejutuan semangat serta kesungguhan tekad dan tanggungjawab yang dipikul oleh JKM dan MRM untuk memastikan OKU mempunyai peluang, ruang, dan keupayaan yang sama seperti individu lain dalam usaha memaksimumkan potensi yang mereka miliki.

"Ia juga selari dengan hasrat JKM untuk menjadikan PLPP sebagai pusat kecemerlangan OKU iaitu sebuah pusat yang dapat dijadikan sebagai pusat rujukan bagi semua berkaitan OKU seperti pendidikan, prostetik, ortotik, aksesibiliti dan sebagainya," ujarnya pada majlis perasmian Universal Design Product Showcase di PLPP, di Bangi, Selangor baru-baru ini.

Teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datuk Azizah Mohd. Dun**.

Dalam pada itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, **Datuk Dr. Ewon Ebin** turut menyatakan rasa bangga dengan penubuhan pusat tersebut kerana ia memberi peluang kepada golongan OKU untuk menikmati segala kemudahan yang sama daripada kemajuan negara.

Beliau mengharapkan penglibatan sektor swasta dalam penghasilan produk UD dan menjadikan pusat yang dirasmikan ini sebagai rujukan utama mereka.

"Seiring dengan visi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada 2020, kreativiti dan inovasi sewajarnya diberikan perhatian serius oleh semua

MOHAMMAD FIKRI MOHAMMAD FAZLI yang cacat anggota mengeluarkan potongan pisang dari alat memotong pisang yang mesra OKU.

pihak.

"Sekiranya kerjasama yang terjalin di antara JKM dan MRM ini dapat diperluaskan lagi melalui penyelidikan, perkongsian kepakaran dan pelaksanaan program-program yang bakal dilaksanakan di pusat ini agar ia dapat mencetuskan minat dan menggalakkan lebih banyak pihak termasuk pencipta-pencipta muda untuk mencipta produk-produk dan kemudahan dengan konsep yang sama," katanya.

Usaha mempromosi UD di Malaysia telah dimulakan oleh MRM sejak awal tahun 2000.

Inisiatif ini diambil dengan melihat aplikasi yang dilakukan oleh beberapa buah negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, dan Taiwan yang telah menjadikan UD sebagai salah satu elemen penting dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Penubuhan pusat rujukan reka bentuk ini juga dilihat sangat relevan dengan keperluan sektor perindustrian dan pendidikan pada masa kini.

Dibuka setiap hari dari Isnin hingga Jumaat pada waktu pejabat, pusat ini boleh dilawati sesiapa sahaja dan kemasukkan adalah percuma.



DR. EWON EBIN (dua dari kanan) dan **Azizah Mohd. Dun** (dua dari kiri) melihat demonstrasi mencuci pinggan oleh seorang OKU, **Mohammad Khairul Shahfizam Abdul Kadir**, menggunakan tempat basuh pinggan bergerak.



JAKIM Saran Masjid Dan Surau Buat Solat Gerhana Bulan Sabtu Ini

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Sempena fenomena gerhana bulan penuh Sabtu ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyarankan agar masjid dan surau mengadakan solat sunat 'khusuf' (solat sunat gerhana bulan) beserta khutbah.

Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha berkata pihaknya melalui masjid utama seperti Masjid Negara di ibu negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya akan menganjurkan solat sunat khusuf selepas solat Maghrib.

Beliau berkata solat gerhana bulan perlu dilakukan sebagaimana hadis yang diriwayatkan Imam Muslim.

Dalam masa yang sama, JAKIM dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia akan mengadakan aktiviti cerapan di Masjid Putra dan orang ramai dijemput menyertainya.

[Agensi Angkasa Negara](#) menyatakan fenomena gerhana bulan penuh itu merupakan satu-satunya gerhana bulan yang dapat dilihat di Malaysia tahun ini.

Ia dijangka bermula pada pukul 5.01 petang iaitu apabila bulan memasuki bayang-bayang penumbra manakala kemuncak gerhana ialah pada pukul 8 malam dan berakhir pada pukul 10.59 malam apabila bulan keluar dari bayang-bayang penumbra.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

Masjid disaran buat solat gerhana bulan

KUALA LUMPUR - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menyarankan agar masjid dan surau mengadakan solat sunat khusuf (solat sunat gerhana bulan) beserta khutbah sempena fenomena gerhana bulan penuh Sabtu ini.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha berkata, pihaknya melalui masjid utama seperti Masjid Negara di ibu negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya akan menganjurkan solat sunat khusuf selepas solat Maghrib.

Beliau berkata, solat gerhana bulan perlu dilakukan sebagaimana hadis yang diriwayatkan Imam Muslim.

Pada masa yang sama, Jakim dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia akan mengadakan aktiviti cerapan di Masjid Putra dan orang ramai dijemput menyertainya.

Agensi Angkasa Negara (Angkasa) menyatakan fenomena gerhana bulan penuh itu merupakan satu-satunya gerhana bulan yang dapat dilihat di Malaysia tahun ini.

Ia dijangka bermula pada pukul 5.01 petang iaitu apabila bulan memasuki bayang-bayang penumbra, manakala kemuncak gerhana adalah pada pukul 8 malam dan berakhir pada pukul 10.59 malam apabila bulan keluar dari bayang-bayang pe-

numbra.

Sementara itu, Angkasa dan Jabatan Mufti Selangor akan mengadakan program pencerapan bulan dan planet Musytari, melihat bintang Sirius dan buruj Belantik (Orion) di pekarangan Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Selangor.

Untuk mendapatkan perkembangan terkini tentang fenomena tersebut, orang ramai boleh melayari laman web, Facebook dan Twitter Angkasa atau hubungi talian 03-22734403/5484.

FENOMENA gerhana bulan akan berlaku pada Sabtu ini dengan kemuncaknya sekitar 8 malam.



INFO Gerhana bulan penuh pada 4 April 2015

Bulan mula memasuki Penumbra	5.01 petang
Bulan memasuki Umbra	6.16 petang
Bulan mula mengalami fasa Gerhana Penuh	7.58 malam
Gerhana maksimum	8.01 malam
Bulan mula keluar dari dar Ulmbra	8.03 malam
Bulan keluar sepenuhnya dari Umbra	9.45 malam
Bulan keluar sepenuhnya dari Penumbra	10.59 malam



Good turnout: Adults and children observing Earth Hour at the National Planetarium – Photos by FAIHAN GHANI

Learning in the dark

By FARAH FAZANNA ZULZAH
farahfazanna@thestar.com.my



Planetarium marks Earth Hour with movie screening, forum and photography sessions

AS THE LIGHTS are turned off, the National Planetarium glowed for an hour during the recent Earth Hour 2015. Various activities were held during the lights-off. Children present at the event had the opportunity to make their own paper lanterns and orrery, a mechanical model of the solar system.

The adults, meanwhile, had the chance to take part in a forum on light pollution. The forum was headed by a panel comprising Universiti Kuala Lumpur chief pilot Prof Captain Dr Mohd Haridon Mohamed Suffian, the Environment Department Strategic Communications Unit assistant director Mohd Helmi Ahmad and the National Space Agency Research Unit and Space Science Education head Mohd Fairus Asillam.

There was also an astrophotography session and display of astrophotography camera gear organised by Nikon.

As the clock struck 8.30pm, a countdown began and lights were switched off.

The National Planetarium was bathed in glowing lights from the lanterns and candles which were distributed earlier.

While the adults took part in the forums, the children enjoyed a movie screening of *Gravity*, a film starring Sandra Bullock and George

perfect livin' '15
Home & Lifestyle Exhibition
9-12 April @PWTC
10am - 9pm
www.perfectlivin.com

Clooney about astronauts stranded in space. Angkasa science officer Jong Tze Kian said that the event was held to create awareness about light pollution that has a negative impact in the long run.

"The event would also help youngsters to know how they can help save the environment," he said.

Michelle Ooi who brought her two daughters to the event said it was their first time observing Earth Hour.

"It was an educational programme. The children certainly learnt a lot about saving energy, especially learning about switching off unnecessary lights at home," she said.



Her light: Nurbadrina Yusof holding up her DIY lantern alight during Earth Hour.



Enlightenment: The adults attended a forum on light pollution with panel members from Angkasa, Environment Department and Universiti of Kuala Lumpur.



Do it this way: A member of National Planetarium's staff teaching the children how to make paper lanterns.



weBoost Perluas Ketersediaan Dua Perangsang Isyarat Mudah Alih

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- weBoost, peneraju reka cipta dan pengeluar perangsang isyarat selular, telah memperluas ketersediaan dua perangsang isyarat mudah alihnya yang boleh meningkatkan sambungan mudah alih.

Produk terbabit iaitu weBoost Connect 3G dan Drive 3G-S, disahkan [SIRIM](#) dan boleh didapati di outlet seperti All IT Hypermarket dan A-Sashi Technology di Lembah Klang.

Naib Presiden Pembangunan Korporat weBoost, Jeff Gudewicz berkata, rakyat Malaysia setanding negara lain di segi penggunaan telefon mudah alih dan sering di depan dalam keperluan untuk kekal disambung, terutama melalui rangkaian media sosial.

"Kita perlu terima yang hidup kita berkisar di sekitar komunikasi. Kita perlu sentiasa disambung di tempat kerja, ketika bermain atau di rumah," katanya.

Menurutnya, telefon mudah alih memainkan peranan penting dalam membolehkan orang ramai sentiasa berhubung dan penerimaan isyarat mudah alih yang lemah akan menjejaskan peluang perniagaan, menghadkan akses kepada maklumat atau orang tersayang dan memberi kesan buruk ketika kecemasan.

"weBoost berada dalam kedudukan untuk memenuhi permintaan kepada isyarat telefon mudah alih yang lebih dipercayai bagi menangani semua keperluan terbabit ketika di jalan, pejabat atau rumah," kata Gudewicz.

Dirangsang sentimen pengguna yang positif, weBoost terus meningkatkan kehadiran di Malaysia dengan bekerjasama dengan Digital Paper, satu daripada pengedar produk IT terkemuka di Malaysia, dalam pemasaran produk, perkhidmatan sokongan dan pengedaran di seluruh negara.

-- BERNAMA

121 insiden penipuan ugutan siber dilaporkan pada 2014

KUALA LUMPUR - Sebanyak 121 insiden penipuan ugutan siber dilaporkan kepada Pusat Bantuan Cyber999 pada 2014.

Dalam satu kenyataan di sini semalam, Ketua Pegawai Eksekutif **CyberSecurity Malaysia**, Dr. Amirudin Abdul Wahab (**gambar**) berkata, jumlah insiden yang dilaporkan meningkat pada suku pertama 2015 kepada 25 berbanding 21 dalam tempoh sama tahun lepas.



"Berdasarkan statistik Cyber999, kami mengesyaki pelaku adalah lelaki warga asing yang melakukan penipuan dari pelbagai lokasi, menyasarkan mangsa terutamanya remaja hingga peringkat umur pertengahan, menggunakan perbualan video dalam talian seperti Skype untuk menjalankan aktiviti mereka," katanya.

Sehubungan itu katanya, pengguna di Malaysia dinasihatkan supaya mematuhi amalan dan etika terbaik semasa menggunakan media sosial dan aktiviti luar biasa yang mencurigakan di internet perlu segera melaporkannya kepada pihak berkuasa.

The
Emergency
Response
app.



HELP partners IT industry leaders

IN an increasingly competitive job market, it has become even more vital for information technology (IT) graduates to possess the practical skills and resources necessary to rise above the competition and thrive in the workforce.

Accordingly, over the last few years, the Department of Information Technology at HELP University has been successfully working with its Industry Advisory Board (IAB) members and industry partners to prepare its graduates for the challenges of IT employment.

With experienced IAB members, who are also respected leaders in the IT industry such as HT Consulting, TMS, Money On Line (MOL), SAS, IBM, Microsoft and Gamonster, the HELP IT Department has benefited from their experience and knowledge.

Head of Department of Information Technology at HELP University Dr Sien Ven Yu is pleased with the results from the initiative.

"The close collaboration with IAB members and industry partners has ensured that our IT graduates are industry ready, and their skills, knowledge and experience match industry expectations," said Dr Sien.

He said graduates are in demand and offered jobs in leading organisations such as Accenture, IBM, MIMOS, Maxis, Shell, Citibank and KPMG.

IAB co-chairperson Ghanesh Kumar Bangah emphasised, "IT is no longer a secondary or support industry, it is the industry of the

future, and some of the biggest companies worldwide are IT companies."

He said the Advisory Board aims to encourage students of HELP to look at the opportunities and inspire them to build Apple, Google and Facebook of the future in Malaysia.

This collaboration started off recently with the latest batch of final year students tasked to work on real-world projects with IAB members and industry partners.

The students were mentored, taught and supervised by these experts. The final year projects will be showcased this year at the HELP TECHDAY 2015, under the mentorship of IT organisations and the highlights of the exhibition include Mobile Apps, educational games and development software.

Group chief executive officer of Rototype International and co-chair of the HELP University IT IAB, Harres Tan, believes industry mentoring plays a complementary role to tertiary institutions.

The IT Department offers five programmes: Diploma in IT, Bachelor of IT (Hons), Bachelor of IT (Hons) Mobile Computing, Bachelor of IT (Hons) Business Information Management and Bachelor of Computer Science (Games and Interactive Media).

The next intake for the IT Diploma and undergraduate programmes is on April 20.

■ For details, call 03-2716 2000, e-mail marketing@help.edu.my or visit www.help.edu.my